

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah dengan pelaksanaan kontrak baru pembersihan sekolah dengan peruntukan yang jauh lebih kecil dan kaedah pengiraan yang baharu tidak akan menjejaskan kerja pembersihan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memandang serius berhubung isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan Kontrak Kebersihan Bangunan dan Kawasan di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan dalam memastikan penggunaan sumber yang optimum serta seimbang dengan keperluan. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif dengan mengkaji semula norma dan skop kontrak berdasarkan peruntukan perbelanjaan kerajaan tanpa mengetepikan kualiti perkhidmatan yang diberikan agar selari dengan dasar mengoptimumkan penggunaan sumber kewangan Kerajaan seperti yang diamalkan sekarang serta berdasarkan keperluan sebenar sekolah/institusi pendidikan yang terlibat.

Pengaplikasian norma baharu ini adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria iaitu keluasan kawasan, bilangan blok, bilangan aras dan bilangan kubikal tandas berbanding norma terdahulu yang hanya mengambil kira keluasan kawasan dan enrolmen pelajar serta penghuni asrama di dalam sesebuah sekolah. RT04/14